

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**

**SOALAN : NO. 68**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil PTPTN bagi mendekati masyarakat yang berada jauh di luar bandar dan sukar untuk berurusan dengan PTPTN secara bersemuka.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa menambah baik perkhidmatan yang disediakan agar dapat memenuhi ekspektasi pelanggan yang tidak hanya terhad kepada dalam bandar sahaja, malahan juga mencakupi luar bandar. Untuk itu, PTPTN telah menyediakan pelbagai perkhidmatan atas talian seperti permohonan pinjaman PTPTN, kemudahan bayaran balik dan juga permohonan pembukaan akaun simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang boleh didapati menerusi portal rasmi PTPTN.

Bagi pelanggan PTPTN yang ingin membuat rundingan atau memerlukan maklumat lanjut namun menghadapi kesukaran untuk berurusan secara bersemuka di semua cawangan PTPTN seluruh negara, perkhidmatan talian *Careline* telah disediakan untuk dihubungi yang beroperasi 7 hari seminggu bermula 8 pagi hingga 10 malam.